

Sharifah lebih pentingkan pelajaran

KOSMO 15/6/06 (MS11)

Oleh WAN FAKHRUL WAN BAKAR
berita@kosmo.com.my

TENTU mengejutkan jika ketika anda sedang makan tiba-tiba datang seorang yang tidak dikenali menegur anda untuk menawarkan anda berlakon drama atau filem.

Itulah yang berlaku kepada Sharifah Norhanim Syed Abdullah Aidid atau lebih mesra dipanggil Sharifah ketika dia bersama rakan-rakannya menikmati makan malam di sebuah restoran makanan segera di sebuah pusat beli-belah terkemuka di ibu negara hujung tahun lalu.

Menurut Sharifah, ketika lelaki itu

menghampirinya, dia agak risau kerana menyangkakan lelaki itu cuba mengganggu dia dan rakan-rakannya.

"Ingatkan dia hendak kacau kami tetapi dengan berterus-terang dia kata yang saya ini sesuai dengan salah satu watak dalam drama bersiri terbitan syarikat tempat dia bekerja," kata Sharifah yang baru menjangkau usia 22 tahun pada 30 Mei lalu.

Namun, demi pelajaran dan masa depan, Sharifah terpaksa menolak tawaran itu secara baik supaya keputusannya itu tidak mengecewakan lelaki itu.

"Memang menarik tawaran berlakon itu, namun saya terpaksa tolak kerana saya masih ada satu semester untuk

menamatkan pengajian," tambah anak kedua daripada empat adik beradik itu yang sedang mengikuti program peringkat diploma di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Seri Iskandar, Perak.

Ketika insiden itu berlaku, Sharifah terus teringat kata-kata ayahnya yang mahu dia menumpukan pelajaran dahulu sebelum memikirkan soal kerjaya di masa akan datang.

Meskipun agak terkilan kerana terpaksa menolak tawaran itu, Sharifah tetap menganggap segala apa yang berlaku itu ada hikmah di sebaliknya.

Gadis yang berdarah Arab ini gemar menghabiskan masa lapangnya dengan melayari internet, melancong bersama keluarga serta bermain catur bersama rakan-rakannya.



SHARIFAH NORHANIM